

25/10/2001

BSKL laksana mekanisme pemutus litar 2002

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) akan memperkenalkan mekanisme pemutus litar mulai suku pertama tahun 2002 bagi mengelakkan penurunan keterlaluan dalam sehari dagangan pasaran saham.

Timbalan Presiden II BSKL Ungku A Razak Ungku A Rahman, berkata mekanisme pemutus litar dengan menghentikan sementara sesi dagangan, akan menyediakan pendekatan menyeluruh menguruskan pergerakan menurun indeks penanda aras - Indeks Komposit BSKL (IK BSKL).

"Pemutus litar akan menyediakan ruang untuk membekalkan maklumat yang mencukupi kepada peserta pasaran bagi membuat keputusan pelaburan berdasarkan pertimbangan yang wajar," katanya pada sidang media pelaksanaan mekanisme pemutus litar di Kuala Lumpur, semalam.

Mekanisme pemutus litar itu sudah diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2002 Jumaat lalu, sebagai sebahagian usaha kerajaan untuk memastikan kestabilan dalam pasaran saham tempatan.

Ungku Razak berkata, pemutus litar itu akan berfungsi apabila Indeks Komposit (IK) BSKL jatuh 10 peratus, 15 peratus dan 20 peratus daripada penutup indeks hari sebelumnya. Dagangan akan dihentikan selama sejam jika IK jatuh 10 peratus sebelum 11.15 pagi atau 3.45 petang tetapi dagangan ditutup bagi keseluruhan sesi dagangan jika IK jatuh 10 peratus selepas 11.15 pagi dan 3.45 petang.

Sekiranya IK jatuh 15 peratus tetapi kurang 20 peratus daripada penutup hari sebelumnya, dagangan dihentikan sejam jika pemutus litar diaktifkan sebelum jam 11.15 pagi atau 3.45 petang. Dagangan bagaimanapun dihentikan bagi seluruh sesi dagangan jika berlaku selepas jam 11.15 pagi atau 3.45 petang.

Bagaimanapun, dagangan akan ditutup sehari jika IK BSKL jatuh 20 peratus atau lebih berbanding penutup IK hari sebelumnya.

Dagangan bagi pasaran hadapan yang bergantung kepada IK BSKL juga akan dihentikan jika pemutus litar berfungsi.

Apabila pemutus litar diaktifkan, pelabur patut menilai situasi itu menerusi pelbagai sumber maklumat yang ada. Dengan itu, pelabur mendapat maklumat sebenar bagi pertimbangan pelaburan.

(END)